

GARIS PANDUAN KELAYAKAN**1. Siapa yang layak memohon?**

Produk ini ditawarkan kepada pelanggan Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA).

2. Bolehkah saya memohon produk ini jika saya penyewa kediaman tersebut?

Tidak, anda hanya boleh memohon produk ini jika anda adalah pemilik kediaman tersebut dan pelanggan LPPSA.

3. Bolehkah kediaman saya dilindungi lebih daripada satu sijil Takaful myProtect Home?

Tidak, setiap kediaman hanya boleh dilindungi di bawah satu sijil Takaful myProtect Home dalam tempoh perlindungan yang sama.

4. Bolehkah saya memohon produk ini terlebih dahulu?

Ya, anda boleh memohon produk ini terlebih dahulu tetapi tidak boleh melebihi dua (2) bulan dari tarikh kuat kuasa yang dipilih.

5. Adakah produk ini hanya melindungi isi rumah di dalam bangunan kediaman?

Ya, produk ini hanya melindungi isi rumah di dalam bangunan kediaman untuk kegunaan persendirian.

6. Adakah produk ini melindungi isi rumah di dalam bangunan kediaman yang dibina sepenuhnya dengan bata sahaja?

Tidak, kami melindungi isi rumah di dalam bangunan kediaman yang dibina sepenuhnya menggunakan bata (Kelas 1A) dan isi rumah di dalam bangunan kediaman yang dibina dengan separa bata (Kelas 2). Walau bagaimanapun, kami tidak melindungi isi rumah di dalam bangunan kediaman yang dibina sepenuhnya menggunakan kayu. Kediaman anda juga perlu digunakan sebagai kediaman persendirian semata-mata.

7. Berapakah jumlah yang perlu saya lindungi untuk isi rumah?

Anda perlu melindungi jumlah nilai isi rumah, iaitu barang peribadi dan barangan rumah kepunyaan yang disenaraikan oleh anda dan ahli keluarga yang tinggal bersama.

8. Adakah terdapat pengunderait untuk produk ini?

Ini adalah produk yang diunderait terlebih dahulu. Permohonan adalah tertakluk kepada syarat kelayakan.

9. Bilakah perlindungan saya akan bermula?

Perlindungan anda akan bermula pada tarikh kuat kuasa seperti yang dipilih dan akan dinyatakan pada e-Sijil anda. Tarikh kuat kuasa terawal yang boleh anda pilih adalah hari berikutnya selepas hari permohonan dibuat.

10. Apakah tempoh perlindungan untuk produk ini?

Produk ini menyediakan perlindungan satu (1) tahun. Anda perlu memperbaharui sijil anda setiap tahun.

11. Bilakah saya akan menerima sijil?

Anda akan menerima e-Sijil dengan serta-merta setelah permohonan dan bayaran sumbangan berjaya. Anda juga boleh menyemak e-Sijil di portal [myTakaful Customer](#) kami.

12. Di mana saya boleh muat turun Sijil?

Anda boleh muat turun Sijil [di sini](#).

MANFAAT DAN HAD

1. Apakah yang dilindungi di bawah produk ini?

Produk ini direka untuk memberikan anda ketenangan fikiran terutamanya apabila anda tidak berada di rumah. Ia melindungi isi rumah anda daripada kebakaran, kecurian dan sebagainya.

Klik [di sini](#) untuk senarai penuh manfaat di bawah produk ini.

2. Apakah yang dimaksudkan dengan isi rumah?

Isi rumah merujuk kepada harta benda dan kelengkapan rumah peribadi anda, seperti perabot, televisyen, komputer dan alat peranti elektronik yang lain, pakaian barang kemas, peralatan sukan, dan juga langsir.

3. Apakah pilihan pelan yang tersedia?

Terdapat 3 pilihan pelan (iaitu Pelan A, Pelan B dan Pelan C) seperti di bawah. Anda hanya boleh dilindungi di bawah mana-mana satu pelan ini.

Pilihan Pelan	Pelan A	Pelan B	Pelan C
Jumlah Perlindungan Isi Rumah	RM20,000	RM30,000	RM31,000 sehingga RM200,000

4. Apakah jumlah perlindungan yang boleh saya pilih?

Jumlah perlindungan bergantung pada pelan yang dipilih seperti jadual berikut. Bagi Pelan C, anda boleh memilih sebarang jumlah dalam gandaan RM1,000 tertakluk kepada jumlah minimum RM31,000 dan jumlah maksimum RM200,000.

Pilihan Pelan	Pelan A	Pelan B	Pelan C
Jumlah Perlindungan Isi Rumah	RM20,000	RM30,000	RM31,000 sehingga RM200,000

5. Apakah yang dilindungi di bawah 'Isi Kandungan yang Dipindahkan Sementara'?

Di bawah manfaat ini, kami akan melanjutkan perlindungan untuk kerosakan atau kehilangan isi kandungan rumah anda akibat kejadian dilindungi sehingga lima belas peratus (15%) daripada jumlah perlindungan sekiranya isi kandungan rumah dialih keluar sementara dari rumah anda tetapi kekal di Malaysia, dengan syarat isi kandungan tersebut tidak dilindungi di bawah sijil takaful / polisi insurans yang lain.

6. Perlukah saya menyenaraikan isi rumah untuk dilindungi?

Anda hanya perlu menyenaraikan item yang mempunyai nilai melebihi lima peratus (5%) daripada jumlah perlindungan isi rumah anda (kecuali perabot, piano, organ, peralatan rumah, radio, set televisyen, set perakam video, peralatan Hi-Fi dan item lain yang serupa). Sekiranya anda tidak menyenaraikan item tersebut, jumlah perlindungan setiap item (kecuali barangan platinum, emas dan perak, barang kemas dan pakaian bulu) akan terhad kepada lima peratus (5%) daripada jumlah perlindungan isi rumah anda.

Untuk barangan platinum, emas dan perak, barang kemas dan pakaian bulu, jumlah perlindungan untuk semua item tersebut digabungkan adalah terhad kepada satu per tiga (1/3) daripada jumlah perlindungan isi rumah anda.

7. Perlukah saya menanggung sebarang ekses di bawah produk ini?

Ya, terdapat ekses yang dikenakan kepada kerosakan atau kehilangan isi rumah anda yang disebabkan oleh kejadian berikut:

Kejadian	Ekses (bagi setiap kejadian)
Tangki, alat atau paip air pecah atau melimpah	RM50
Taufan, siklon atau ribut angin	1% daripada jumlah perlindungan atau RM200, yang mana lebih rendah
Gempa bumi atau letusan gunung berapi	1% daripada jumlah perlindungan atau RM200, yang mana lebih rendah
Banjir (kecuali tenggelam dan tanah runtuh)	1% daripada jumlah perlindungan atau RM200, yang mana lebih rendah
Penenggelaman dan tanah runtuh	5% daripada jumlah perlindungan atau RM25,000, yang mana lebih rendah
Kerosakan akibat pokok atau dahan tumbang dan objek daripadanya	RM250

Nota: Ekses bermaksud amaun yang perlu anda tanggung untuk sesuatu tuntutan sebelum dibayar oleh kami. Sila rujuk kepada Sijil untuk ekses yang dikenakan di bawah produk ini.

8. Saya mempunyai pembantu rumah, adakah harta peribadinya turut dilindungi?

Ya, dengan syarat pembantu rumah tersebut tinggal bersama anda di kediaman seperti yang dinyatakan di dalam e-Sijil. Kami akan melindungi kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh suatu kejadian yang dilindungi terhadap pakaian dan barangan peribadi pembantu rumah anda, dengan syarat harta tersebut tidak dilindungi di bawah sijil takaful / polisi insurans lain.

9. Sekiranya saya meninggalkan negara dan kediaman saya dibiarkan kosong tidak berpenghuni, adakah isi rumah saya masih akan dilindungi?

Ya, dengan syarat kediaman anda tidak dibiarkan kosong tidak berpenghuni melebihi sembilan puluh (90) hari sama ada berturut-turut atau tidak semasa tempoh perlindungan.

10. Adakah produk ini melindungi haiwan peliharaan?

Tidak, produk ini tidak melindungi haiwan peliharaan.

CAJ & YURAN

1. Berapakah sumbangan yang perlu saya bayar?

Jumlah sumbangan adalah berdasarkan pelan yang anda pilih.

2. Apakah caj dan yuran yang perlu saya bayar?

Lima puluh peratus (50%) sumbangan akan ditolak sebagai yuran wakalah dan selebihnya lima puluh peratus (50%) sumbangan akan diperuntukkan ke dalam Dana Takaful Am (DTA) sebagai pemotongan Tabarru'.

3. Adakah terdapat sebarang bayaran tambahan yuran, caj dan cukai untuk produk ini?

Ya, anda perlu membayar lapan peratus (8%) Cukai Perkhidmatan (SST) ke atas sumbangan.

4. Bolehkah saya membuat bayaran sumbangan pada setiap bulan?

Tidak, anda hanya boleh membuat bayaran sumbangan untuk setiap tahun.

5. Apakah kaedah bayaran yang dibenarkan untuk produk ini?

Kaedah bayaran sumbangan yang diterima oleh kami adalah:

- a. Kad kredit / debit
- b. Perbankan dalam talian
- c. e-Wallet*
 - Boost
 - Grabpay
 - Maybank QRPAY
 - Touch 'n Go

*Tertakluk kepada had perbelanjaan minimum dan maksimum seperti yang dikenakan oleh penyedia e-Wallet masing-masing.

ENDORSEMENT DAN SERVIS SIJIL**1. Adakah sijil saya akan diperbaharui secara automatik selepas satu tahun?**

Tidak, produk ini memberikan perlindungan satu (1) tahun. Jika anda telah memohon produk ini, kami akan menghantar Notis Tamat Tempoh (NOE) kepada anda tiga puluh (30) hari sebelum perlindungan tamat tempoh dan anda boleh memperbaharui produk dengan klik pautan yang diberikan dalam NOE.

Sila ambil maklum bahawa pembaharuan produk adalah tertakluk kepada kelulusan kami.

2. Bolehkah saya menukar jumlah perlindungan pada bila-bila masa semasa tempoh perlindungan?

Tidak, penukaran jumlah perlindungan semasa tempoh perlindungan tidak dibenarkan.

3. Adakah saya akan mendapat bayaran balik sekiranya sijil dibatalkan?

Sekiranya anda memohon untuk membatalkan sijil, anda akan mendapat bayaran balik sebahagian daripada sumbangan yang telah dibayar dengan syarat anda tidak pernah membuat sebarang tuntutan.

4. Bagaimana cara untuk mengemukakan permohonan pembatalan?

Anda boleh membatalkan sijil pada bila-bila masa dengan memberi notis kepada kami melalui emel kepada csu@takaful-malaysia.com.my atau hubungi Unit Khidmat Pelanggan di 1-300 88 252 385.

5. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya tersilap memasukkan alamat kediaman selepas e-Sijil dikeluarkan?

Anda perlu melengkapkan Borang Endorsmen yang tersedia [di sini](#) dan hantar kepada cawangan Pusat Takaful myCare terdekat atau e-mel kepada csu@takaful-malaysia.com.my.

PROSEDUR TUNTUTAN DAN PENGECUALIAN**1. Bagaimana tuntutan untuk kehilangan atau kerosakan isi rumah ditentukan?**

Kami akan membayar ganti rugi kepada anda nilai yang dilindungi atau nilai pasaran bagi isi rumah yang dilindungi mana-mana yang lebih rendah, tertakluk kepada pemetongan sebarang ekses.

Nilai pasaran bermaksud nilai bagi isi rumah yang dilindungi ketika berlakunya kerugian atau kerosakan ditolak peruntukan untuk haus dan lusuh dan/atau susut nilai.

2. Siapa yang akan menentukan kos penggantian atau pengembalian semula sekiranya berlaku kehilangan atau kerosakan kepada isi rumah saya?

Kos penggantian atau pengembalian semula isi rumah akan ditentukan oleh penilaian yang diperolehi oleh kami dari:

- Pengeluar/Pekilang;
- Ejen tunggal atau ejen yang sah;

- Broker atau pengedar yang sah;
- Kontraktor bangunan;
- Penyelaras Kerugian Berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam (IFSA) 2013; atau
- Penilai Berdaftar di bawah Akta Penilai, Pentaksir Dan Ejen Harta Tanah 1981 yang dilantik secara bersama oleh anda dan Takaful Malaysia.

Penilaian yang diperolehi adalah muktamad dalam sebarang prosiding undang-undang terhadap kami.

3. Apakah akibat jika isi rumah saya kurang dilindungi?

Sekiranya nilai pasaran isi rumah yang dilindungi ketika berlakunya sebarang kerugian adalah secara kolektif mempunyai nilai lebih besar daripada jumlah perlindungan seperti yang dinyatakan di dalam e-Sijil, maka anda hendaklah bertanggungjawab ke atas perbezaan tersebut dan hendaklah menanggung bahagian bagi kerugian tersebut sewajarnya. Perkongsian kadar kerugian diguna pakai secara berasingan terhadap setiap item yang dilindungi.

4. Bolehkah saya membuat tuntutan di bawah produk ini sekiranya terdapat paip air pecah di dalam kediaman saya?

Ya, dengan syarat paip air pecah tersebut telah menyebabkan kerosakan kepada isi rumah dan kediaman anda tidak dibiarkan kosong tidak berpenghuni.

Untuk mengelakkan keraguan, kerosakan kepada paip air akibat haus dan lusuh tidak akan dilindungi.

5. Bolehkah saya membuat tuntutan kehilangan wang tunai di bawah produk ini?

Ya, kami akan membayar untuk kehilangan wang tunai yang disebabkan oleh kejadian yang dilindungi, tetapi jumlah tuntutan dihadkan kepada RM500 sahaja dalam mana-mana satu tempoh takaful.

6. Kediaman saya tidak boleh didiami buat sementara waktu disebabkan oleh banjir dan saya perlu menetap di rumah penginapan untuk tempoh yang singkat, bolehkah saya menuntut perbelanjaan penginapan yang ditanggung?

Ya, kami akan membayar perbelanjaan tambahan yang munasabah yang ditanggung di hotel, rumah penginapan atau rumah tumpangan sehingga sepuluh peratus (10%) daripada jumlah perlindungan anda di bawah produk ini. Bayaran manfaat ini tidak akan mengurangkan jumlah perlindungan anda.

7. Sekiranya pembantu rumah melarikan barang kemas, bolehkah saya membuat tuntutan?

Tidak, kami tidak membayar sebarang kerugian akibat kecurian oleh pembantu rumah atau ahli keluarga anda.

8. Bolehkah saya membuat tuntutan untuk kerosakan kepada kenderaan bermotor yang diletakkan di dalam kediaman saya?

Tidak, produk ini tidak melindungi kerosakan kepada kenderaan bermotor di dalam kediaman anda.

9. Bagaimana untuk saya membuat tuntutan?

Anda boleh log masuk ke portal [myTakaful Customer](#) untuk serahkan tuntutan. Anda dinasihatkan untuk kemas kini butiran akaun bank melalui portal myTakaful Customer kerana bayaran tuntutan akan dibuat melalui e-Bayaran.

10. Apakah yang berlaku kepada jumlah perlindungan saya selepas tuntutan dibuat?

Jumlah perlindungan anda akan dikurangkan dengan sewajarnya berdasarkan jumlah bayaran tuntutan. Untuk mengelakkan keraguan, jumlah bayaran tuntutan semasa tempoh perlindungan tidak boleh melebihi jumlah perlindungan isi rumah pilihan anda.

11. Berapa lama masa yang diperlukan untuk memproses tuntutan?

Kami akan memproses dan menyelesaikan bayaran tuntutan melalui e-Bayaran dalam masa empat belas (14) hari bekerja setelah dokumen lengkap diterima. Sila pastikan butiran akaun bank dikemas kini melalui portal [myTakaful Customer](#).

12. Bagaimana bayaran manfaat diterima?

Sebarang bayaran manfaat akan dibayar melalui e-Bayaran dalam masa tiga (3) ke lima (5) hari bekerja selepas tuntutan diluluskan.

13. Apakah pengecualian untuk produk ini?

Sila rujuk Sijil [di sini](#) untuk senarai pengecualian lengkap di bawah produk ini.

14. Di mana boleh saya rujuk panduan tuntutan produk ini?

Anda boleh merujuk kepada Buku Panduan Tuntutan yang tersedia [di sini](#). Anda juga boleh hubungi Unit Khidmat Pelanggan di 1-300 88 252 385.